

Cara Mudah Memasukkan Simbol Saintifik Dalam MS Word #1

zaki.proofreaders.united@gmail.com

Muhammad Zaki Ramli, Penyunting Bebas, azzakingompot@gmail.com

Saya halalkan e-buku ini disebarakan kepada rakan-rakan Tuan.

E-buku lain terbitan saya: Sudah tidak dijual kerana sudah dibukukan dan terikat dengan perjanjian dengan penerbit. Maaf ya :)

1. ~~Bagaimana Saya Menyunting Tesis: RM10-~~
2. ~~Cara Mudah Membaca Dokumen Dengan Track Changes: RM10~~
3. ~~Buat Duit Dengan Menyunting Tesis: RM10~~

Pendahuluan

Sepanjang pengalaman saya menyunting, saya dapati ada pengguna MS Word yang masih tidak tahu simbol saintifik yang betul untuk digunakan dalam tesis dan artikel jurnal mereka.

Jikapun betul, ada kala penggunaannya tidak konsisten.

E-buku ini menjelaskan simbol saintifik yang betul dan cara mudah untuk memasukkannya ke dalam dokumen MS Word. Siri pertama ini memberikan fokus kepada simbol darjah Celsius. Simbol ini biasanya digunakan dalam tesis berkaitan sains dan teknologi.


E-buku ini menerangkan kaedah-kaedah yang ada untuk Tuan memasukkan dalam simbol darjah Celsius. Sekiranya Tuan dapati kaedah yang ditunjukkan terlalu bersifat teknikal, Tuan boleh terus merujuk pada **Pilihan Editor**.

Pilihan Editor ini merupakan kegemaran saya setelah berkecimpung dalam bidang penyuntingan selama 5 tahun.

Simbol Darjah Celsius (°C)

Ada beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk memasukkan simbol darjah Celsius ke dalam tesis dan artikel jurnal.


Ada satu simbol yang khusus untuk darjah.



Saya dedahkan dahulu kaedah yang salah untuk menulis simbol darjah Celsius.

Kaedah menulis simbol darjah Celsius yang salah. Elakkan!

Kaedah menulis	Hasil
Menggunakan nombor sifar yang di-superscript-kan sebagai simbol darjah.	°C
Menggunakan huruf o kecil yang di-superscript-kan sebagai simbol darjah.	°C
Menggunakan huruf O besar yang di-superscript-kan sebagai simbol darjah.	°C
Menggunakan simbol-simbol yang rupanya seakan-akan simbol darjah. Contoh:	°C



Berikut beberapa kaedah untuk memasukkan simbol darjah Celsius dengan betul.

Kaedah #1: Memasukkan simbol darjah dan huruf C besar satu per satu

Dalam kaedah ini, kita masukkan simbol darjah dan kemudian taip huruf C besar secara manual.


Contoh: °C

Ikuti langkah-langkah berikut:

1. Untuk memasukkan simbol darjah, klik Insert.
2. Klik Symbol.
3. Klik More Symbols.
4. Pastikan Tuan berada pada tab Symbols.
5. Pastikan Font: (normal text).
6. Cari dan klik dua kali pada simbol Celsius (°) [lihat rajah dalam halaman 1].
7. Kemudian, tekan Close.
8. Masukkan huruf C besar dengan menggunakan papan kekunci.


Kaedah #2: Menggunakan tool Equation dalam MS Word

Lihat rajah ini:



Cara untuk memasukkan simbol ini:

1. Klik Insert.
2. Klik Equation.

3. Pilih simbol 


Kelemahan kaedah ini ialah jenis font yang Tuan gunakan tidak konsisten antara teks ayat dan simbol.

Contoh: Suhu normal badan manusia ialah 37 °C.

Huraian: Dalam ayat di atas, Petikan **Suhu normal badan manusia ialah** ditulis dalam jenis font **Candara**, manakala °C ditulis dalam jenis font **Cambria Math**.

Kaedah #3: Menggunakan Math AutoCorrect dalam MS Word

Lihat rajah ini:



Kaedah ini memerlukan Tuan mengingat kod yang sudah sediakan dalam MS Word. Bagi darjah Celsius, kodnya ialah “\degc” tanpa pembuka dan penutup kata.

Ikuti langkah-langkah berikut:

1. Klik Insert.
2. Klik Symbol.
3. Klik More Symbols...
4. Pastikan Tuan berada pada tab Symbols.
5. Klik pada butang AutoCorrect.
6. Klik pada tab Math AutoCorrect.
7. Tandakan pada kotak Use Math AutoCorrect rules outside math regions.

Sekarang, cuba Tuan taip \degc . Tuan akan dapati kod tersebut akan berubah kepada °C secara automatik.


Kelemahan kaedah ini ialah font type Tuan turut akan berubah kepada Cambria Math secara automatik. Oleh itu, Tuan perlu ubah semula tetapan kepada font type asal.

Kaedah #4: Menggunakan AutoCorrect rekaan sendiri


Kaedah ini memberi kebebasan kepada Tuan menggunakan kod yang Tuan sendiri reka. Seperti Kaedah #2, Tuan perlu mengingat kod berkenaan.

Ikuti langkah-langkah berikut:

1. Klik Insert.
2. Klik Symbol.
3. Klik More Symbols.
4. Pastikan Tuan berada pada tab Symbols.
5. Pastikan Font: (normal text).
6. Cari dan klik sekali pada simbol Celsius (°).



7. Klik pada butang AutoCorrect.
8. Pastikan Tuan berada pada tab AutoCorrect.
9. Pastikan kotak pada Replace text as you type sudah ditandakan.
10. Pada bar Replace, masukkan kod yang Tuan mahu. Saya berikan contoh sebagai “dsc” tanpa pembuka dan penutup kata.
11. Jika Tuan tidak terlepas langkah 6, Tuan akan dapati simbol darjah sudah sedia diletakkan dalam bar With.
12. Terus letakkan huruf C besar di sebelah simbol darjah.
13. Tekan butang Add.
14. Tekan OK.



Sekarang, cuba Tuan taip dsc . Tuan akan dapati kod tersebut akan berubah kepada °C secara automatik.

Kelebihan kaedah ini ialah Tuan bebas meletakkan kod yang Tuan sendiri suka dan yang Tuan sendiri mudah ingat. Kaedah ini juga tidak mengubah kepada font type lain seperti Kaedah #3.

Untuk menggunakan kaedah ini secara berkesan, Tuan perlu pastikan:

1. Tetapan bahasa dokumen sama dengan tetapan AutoCorrect. Contohnya, ketika menulis e-buku ini, saya menulis dalam tetapan bahasa **Malay (Malaysia)**. Jika saya buka dokumen MS Word baharu, dan tetapan asal bahasanya ialah **English (UK)**, jika saya taip kod dsc, ia tidak akan berubah menjadi °C secara automatik.
2. Kod yang Tuan reka benar-benar unik dan tidak akan digunakan dalam dokumen Tuan sebagai frasa teknikal mahupun umum. Dalam contoh dsc yang saya beri tadi, saya yakin bahawa saya tidak akan menggunakan kod itu langsung sepanjang saya menulis e-buku ini.

Pilihan Editor: Saya suka Kaedah #4 kerana ketika menaip, saya tidak perlu menukar-nukar kedudukan tangan di papan kekunci dan tetikus. Kaedah ini agak teknikal sekiranya Tuan belum mahir dengannya. Sebaik mahir, akan laju sahaja Tuan menggunakannya.

Dalam e-buku penuh nanti, antara simbol lain yang akan saya dedahkan kaedah memasukkannya ialah tanda negatif (contoh: -10 , bukan -10), jenis-jenis sempang ($-$, $-$, $-$), dan tambah-tolak (contoh: \pm , bukan simbol tambah $[+]$ yang digariskan, \pm).

Tuan mahu saya ajar cara memasukkan simbol-simbol lain? Beritahu saya. Alamat emel saya ialah azzakingompol@gmail.com.